

## POLISI PENILAIAN WAJAR

Polisi Penilaian Wajar menggariskan prosedur untuk menjalankan pengenalpastian dan penilaian sebarang transaksi yang dicadangkan. Tujuan Polisi ini adalah untuk menyediakan prosedur penilaian wajar yang jelas sebelum membuat sebarang keputusan, langkah-langkah mitigasi dan pencegahan yang mencukupi terhadap potensi rasuah dan mematuhi keperluan Tatacara Mencukupi Organisasi Komersial seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018. Proses Penilaian wajar hendaklah dilaksanakan untuk mana-mana transaksi, pelantikan, dan pengambilan pekerja yang mempunyai impak yang signifikan ke atas perniagaan dan kewangan seperti berikut:

- Pengambilan dan pelantikan individu yang akan memegang jawatan strategik.
- Pengambilan dan pelantikan anggota pekerja yang akan memegang jawatan yang risiko rasuahnya melebihi kadar rendah termasuk penempatan semula, kenaikan pangkat dan pemindahan.
- Pemilihan dan pelantikan ejen, kontraktor, pembekal, vendor, penyedia perkhidmatan, dan perunding dalam sebarang pembelian, jualan, dan proses perolehan.
- Menjalinkan usaha sama, perkongsian, atau menjalankan perniagaan yang melibatkan dengan mana-mana syarikat, organisasi, atau individu.
- Pelantikan ejen dan individu yang mempunyai urusan rasmi dengan, atau bagi pihak JPG.

Penilaian wajar hendaklah dijalankan dengan mengambil kira tahap risiko rasuah seperti yang dinyatakan secara terperinci di dalam Polisi. Berdasarkan keputusan penilaian wajar, divisyen atau jabatan yang berkaitan bertanggungjawab untuk menilai, meluluskan, atau menolak sebarang cadangan transaksi untuk dikemukakan kepada jawatankuasa yang berkenaan untuk kelulusan. Setiap keputusan mesti didokumenkan untuk tujuan rekod dan/atau pengesahan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah MS ISO 37001:2016.